



MUHAIMIN (tengah) beramah mesra dengan penghuni warga Indonesia yang menetap di 'Rumah Kita' di Jalan Delima, Kuala Lumpur, semalam.

Berita Harian 20/05/2010
M/S 5

'Banyak kes amah Indonesia diselesai'

Kerjasama polis Malaysia - Indonesia amat baik

KUALA LUMPUR: Kerjasama Polis Malaysia dan Indonesia berjaya menyelesaikan pelbagai kes membabitkan pembantu rumah warga Indonesia, kata Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia, Muhaemin Iskandar.

Katanya, hasil kerjasama itu, majikan di Malaysia yang melakukan kesalahan jenayah seperti penderaan fizikal, tidak membayar gaji dan sebagainya terhadap pembantu rumah Indonesia berjaya didakwa di mahkamah.

Ditanya mengenai pembekuan penghantaran pembantu rumah ke Malaysia oleh kerajaan Indonesia, beliau berkata, pihaknya memerlukan satu hingga dua bulan untuk menyelesaikannya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan 'Rumah Kita', sebuah pusat perlindungan untuk tenaga kerja wanita

Indonesia di Jalan Delima di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Tatang Razak; Presiden PT Bank CIMB Niaga Tbk Indonesia, Datuk Mohd Shukri Hussin dan Ketua Pegawai Eksekutif PT Bank CIMB Niaga Tbk Indonesia, Arwin Rasyid.

Kelmarin, Malaysia dan Indonesia menandatangani satu Surat Hasrat berkaitan penghantaran pembantu rumah ketika Rundingan Tahunan Ketujuh antara pemimpin kedua-dua negara yang masing-masing diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono.

Ia menghendaki majikan Malaysia memberi cuti sehari dalam seminggu kepada pekerja Indonesia dan menetapkan pasport pekerja Indonesia dipegang pekerja ke-

cuali dengan persetujuan kedua-dua pihak, ia boleh disimpan majikan.

Memorandum persefahaman (MoU) dijangka menyusul dalam tempoh dua bulan lagi bagi membolehkan penghantaran semula pembantu rumah yang diberhentikan sejak Jun tahun lalu.

Sementara itu, mengenai 'Rumah Kita', Mohd Shukri berkata sumbangan CIMB dalam menyediakan dan menanggung segala perbelanjaan pusat berkenaan adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat CIMB.

Pusat perlindungan itu menyediakan kemudahan tempat tidur dan makanan untuk tenaga kerja wanita Indonesia yang menghadapi pelbagai masalah berkaitan pekerjaan mereka seperti ditipu ejen pekerjaan, masalah penderaan majikan dan sebagainya. - Bernama